

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@berita.com.my

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah yang dipilih sebagai pengendali Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Golf oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kini giat menjalankan pelbagai program dan kajian untuk meningkatkan mutu sukan itu diperingkat institusi pengajian tinggi (IPT) serta negara.

Pengarah Pusat Sukan UUM, Shafferi Rejab, berkata pihaknya berjaya mengesan beberapa pemain berprestasi tinggi yang berdaya saing dalam kejohanan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Katanya, pihaknya turut menjalin kerjasama dengan Universiti Ramkhamhaeng di Thailand dengan menghantar pemain golf berlatih ketika cuti semester bagi meningkatkan lagi kemahiran.

Beliau berkata, universiti yang turut menempatkan Akademi Tongchai Jaidee iaitu pemain golf bertaraf dunia dari Thailand itu mempunyai jurulatih profesional untuk melahirkan pemain golf bertaraf antarabangsa.

"Penghantaran secara berkala itu dapat membantu melahirkan pemain golf yang mampu mewakili negara sebagai memenuhi sasaran pihak UUM dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

UUM yang dipilih sebagai Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Golf KPT bertanggungjawab mengenai kejohanan Golf IPT 2011 iaitu sebahagian program utama Kementerian, menerusi PKS IPT.

Satu lagi program PKS ialah Liga Bola Sepak IPT merentasi Piala Menteri Pengajian Tinggi. Dituk Seri Mohamed Khaled Nordin kendalian Universiti Teknologi



UUM tingkat program pembangunan golf

MARA (UITM). PKS Golf KPT dan Rumah Golf UUM dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Februari lalu.

Dua organisasi itu menjalankan pelbagai program pembangunan atlet termasuk kejulatihan dan penancangangan kejohanan.

Dalam pada itu, Setiausaha Bahagian Sukan KPT, Dr Saharudin Ismail, berkata penubuhan pusat kecemerlangan sukan golf KPT di bawah penyelarasan Pusat Sukan UUM bermatlamat memartabatkan sukan golf pada peringkat IPT dan negara.

Katanya, pemilihan universiti itu berikutan kewujudan padang golf sembilan lubang, selain

statusnya sebagai 'Universiti Pengurusan' (Management University).

Beliau berkata, sejak Januari lalu hingga pertengahan bulan ini, UUM berjaya menganjurkan tiga sirkuit kejohanan golf iaitu di Dandal Aman Golf & Country, Jitra, Kedah pada 12 dan 13 Mac lalu, diikuti Dalt Golf & Country Club, Tuaran, Sabah (16 dan 17 Mac) dan Perangsang Temppler Golf Club Rawang, Selangor (16 dan 17 April) lalu.

"Kejohanan Golf Pala Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab Rahim Md Noor di Rawang, baru baru ini adalah sebahagian daripada sirkuit golf KPT," katanya



UUM membantu melahirkan atlet golf dalam kalangan pelajar IPT.

SUKAN

"Penghantaran secara berkala itu dapat membantu melahirkan pemain golf yang mampu mewakili negara sebagai memenuhi sasaran pihak UUM dalam tempoh tiga tahun akan datang"

Shafferi Rejab
Pengarah Pusat Sukan UUM